



WARISAN

Warisan

KDN 7890

KELUARAN 15 1991
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



LAGU: SETIA BERSAMA

*Bersama setia pemimpin dan Rakyat
seiya sekata menambahkan erat
dijinjing yang ringan, yang berat dipikul
sejalan seiringan dengan rasa syukur*

*Jika ada kekusutan
dicari penyelesaian
demi hari muka
Negeri Sembilan*

*Setia kepada Raja
pemimpin serta negara
berbakti dengan jujur
Negeri aman makmur*

*Kegunung sama didaki
kelurah sama turuni
biar ikhlas berusaha
demi negeri tercinta*

*Bagai aur dengan tebing
saling perlu memerlukan
rakyat dan pemimpin
tidak mungkin dipisahkan*


KANDUNGAN

MUKA SURAT

- | | | |
|----|---|---------|
| 1. | Baba bin Ludek | 7 - 23 |
| 2. | Wira Negara | 24 - 28 |
| 3. | Sejarah Lukut | 29 - 37 |
| 4. | Adat Istiadat Menjemput
Datuk Lembaga | 38 - 46 |
| 5. | Prosedur Pertabalan Yang
Dipertuan Besar | 47 - 49 |
| 6. | Sejarah Tampin | 50 - 55 |
| 7. | Marhum Muhammad Said
bin Jamaluddin | 56 - 58 |
| 8. | Perkampungan Orang Asli Tekir | 59 - 66 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD,
S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C.**
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus



فجابه منتري بسر
نكري سيمبلن
ڤرانتسوس

Telefon: Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN.

KATA-KATA ALUJAN

Usaha menyingkap semula bahan-bahan sejarah di negeri ini dengan membukukannya secara bersiri dalam 'Jurnal Warisan' ini adalah satu-satunya langkah yang amat tinggi nilainya.

Pemaparan segala bentuk bahan ini secara tidak langsung akan menyuburkan kekayaan sejarah yang dimiliki, supaya ia tidak pupus ditelan waktu dan terhindar dari ingatan generasi baru.

Maka itu, amat wajar bagi usaha-usaha penyelidikan dan diperhebatkan oleh tenaga-tenaga sejarah di negeri ini dengan harapan agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah yang berupa lisan, tulisan dan objek akan dapat didengar, dilihat dan ditatapi oleh pewaris bangsa kemudian hari kelak.

Di samping itu, penghayatan bahan-bahan sejarah ini sudah pasti akan dapat menghidupkan tahap kecenderungannya dengan pelbagai aktiviti sampingan yang dianjurkan baik menerusi jabatan mahupun badan pemelihara dan pengembang sejarah seperti ini.

Semoga kelahiran jurnal terbaru ini akan dapat memperlengkapkan lagi pengetahuan sejarah masyarakat sekelian yang tentunya dahagakan bahan-bahan seumpamanya.

Salam hormat,

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

SIDANG REDAKSI WARISAN KE - 15



Tn. Hj. Hisham Hj. Omar
AMN., ANS., PJK.



Tuan Haji Misan Mastor



Tuan Haji Ismail Hadi
KMN., AMN., PMC., PJK.



En. Zulkapli Othman



En. Khalid Md. Yasin

<i>Pengerusi</i>	: Tuan Haji Hisham b. Haji Omar
<i>Ketua Pengarang</i>	: Tuan Haji Mohd Hisa b. Tahat
<i>Editor</i>	: Tuan Haji Ismail b. Hadi
	: Tuan Misan b. Mastor
	: Encik Zulkapli b. Othman
<i>Setiausaha</i>	: Encik Khalid b. Md. Yasin



KATA-KATA ALUAN

*A*ssalamualaikum warahmatullah Hiwabarakatuh,

*S*yukur Alhamdulillah kita berjumpa lagi dalam Jurnal Warisan Terbitan Ke15 ini. Semoga terbitan Warisan ini akan berterusan pengeluarannya pada setiap tahun bagi memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Tan Sri Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, agar Warisan ini menjadi tatapan, renungan dan sumber pengetahuan mengenai Sejarah Politik, Budaya, Tokoh dan peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di Negeri Sembilan untuk kita jadikan panduan dalam kehidupan kita sekarang dan masa akan datang.

*K*ita harus merakamkan setiap peristiwa penting dan perubahan yang berlaku di samping mencungkil kembali Sejarah kewujudan dan peristiwa yang telah berlaku untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang melalui Jurnal 'Warisan' ini.

*S*ekian, terima kasih.

(HAJI MOHD ISA BIN TAHAT)
Ketua Pengarang,
Persatuan Sejarah Malaysia/
Negeri Sembilan.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1989-1991**

- Yang Di Pertua* : Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, SPNS., PSM., DSNS., PMC.
(Menteri Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Naib Yang Di Pertua* : Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS.
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Setiausaha Kehormat* : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
- Penolong Setiausaha Kehormat* : Encik Zakaria bin Endon, PJK.
- Bendahari* : Encik Tilak Raj Sharma
- Ketua Pengarang* : Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat, PMC., PJK.
- Ahli-ahli J/kuasa* : Tuan Haji Hisham bin Omar, AMN., ANS., PJK.
: Encik Zainalabidin bin Yusof, PPB., PMC.
: Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.
: Encik Norhalim bin Haji Ibrahim
: Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

WARISAN KE 16

Saudara/Saudari Penulis tanah air, hantarlah tulisan anda tentang Negeri Sembilan Drul Khusus kepada kami untuk dimuatkan dalam WARISAN yang akan datang.

-- Ketua Pengarang --

PROSEDUR PERTABALAN YANG DI-PERTUAN BESAR: SATU CATATAN SEJARAH (BAH. PERTAMA)

Oleh: Ramly bin Yahya
Sekolah Menengah Chung Hwa, 72000 Kuala Pilah.

PENDAHULUAN

Dari catatan sejarah tempatan, semenjak Raja Melewar memerintah Negeri Sembilan dari 1773 hingga 1795, prosedur pertabalan berjalan lancar mengikut tradisi yang diamalkan sehingga pemerintahan Yam Tuan Imam (1861-1869). Negeri-negeri kecil atau wilayah di Negeri Sembilan berajakan ke Seri Menanti. Walaupun negeri-negeri atau wilayah tersebut mempunyai Undang yang memerintah serta menjalankan hukuman dan struktur pentadbiran yang tersendiri namun mereka masih bertuankan ke Seri Menanti (Buyung Adil, 1981).

Kesan peluasan kuasa Inggeris di Negeri-Negeri Melayu selepas termenterainya Persetiaan Pangkor pada 20hb. Januari, 1874, kini Inggeris ingin pula meluaskan tanah jajahan ke Negeri Sembilan khususnya di Sungai Ujung. Sungai Ujung pada ketika itu kaya dengan hasil bijih timah. Inggeris ingin terus meluaskan monopoli perdagangan bijih timah mereka atas desakan Revolusi Perusahaan yang berlaku di Eropah (Halim Nasir, 82., Joginger Singh, 84).

Apabila berlaku persengketaan antara Dato' Klana dan Dato' Bandar di Sungai Ujung terhadap hak pungutan cukai di Sungai Linggi, Inggeris mengambil kesempatan ini dengan menggembar-gemburkan keadaan. Jelasnya Inggeris menyokong Dato' Klana dan pihak Istana yang diterajui oleh Yam Tuan Antah memberi sokongan kepada Dato' Bandar. Apa yang nyata kesan campurtangan Inggeris dalam persengketaan ini, prosedur aturan pertabalan yang diwarisi sejak turun temurun terjejas dan terhenti.

Kini (1872-1888) hanya Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan yang berajakan ke Seri Menanti. Manakala Dato' Klana Putra, Dato' Sedia Raja dan Dato' Menteri Akhir Zaman menentukan wilayah masing-masing disamping bertuankan Inggeris. Wilayah Sungai Ujung terus menerima Kapitan Tatham sebagai Penolong Residen Inggeris dan Wilayah Rembau dan Jelebu begitu juga. Situasi ini berterusan sehingga Martin Lister dengan rasminya dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Negeri Sembilan (Ahmad Kamar, 1984). Wilayah atau negeri-negeri kecil di Negeri Sembilan berjaya disatukan semula oleh Gabenor Negeri Selat Sir Cecil Clementy Smith (Halim Nasir, 1982). Ada catatan yang menunjukkan usaha yang dijalankan oleh Martin Lister untuk mengembalikan tradisi prosedur aturan pertabalan ini tetapi semuanya telah menemui jalan buntu. Ini kerana keengganan Undang.

Apabila E.W. BIRCH (1897-1901) dilantik menjadi Residen Inggeris di Negeri Sembilan, beliau telah berjaya memujuk keempat-empat Undang agar menghidupkan semula amalan tradisi prosedur pertabalan. Usaha beliau dengan gigihnya telah mendapat kebulatan dari keempat-empat Undang di Negeri Sembilan. Jelasnya pertabalan DYMM Tuanku Mohamad sebagai Yang di-Pertuan besar Negeri Sembilan pada 7hb. Mei, 1898 bersamaan 15hb. Zulhijjah, 1315 Hijrah telah dilaksanakan mengikut tradisi prosedur pertabalan yang dipusakai sejak era Raja Melewar. Prosedur ini juga telah ditokok tambah dengan memasukkan unsur

'ketuanan' politik Inggeris dalam tatacara aturcara majlis.

Dibawah ini disenaraikan dengan ringkas beberapa protokol tradisi prosedur pertabalan yang perlu diamalkan mengikut ubahsuai Birch (Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, 1960).

Peraturan Pertabalan.

1. Tengku Besar akan memanggil Dato' Muar, Dato' Jempol, Dato' Terachi dan Dato' Gunung Pasir untuk tujuan menyatakan pemilihan Yang di-Pertuan.
2. Dato' Muar pula akan menyuruh keempat-empat Lembaga dalam Luak Muar iaitu Paduka Besar, Seri Menanti, Senara Muda dan Orang Kaya Bongsu (Tok Angkai) untuk mempersilakan Undang yang empat; Dato' Klana Putra, Dato' Sedia Raja, Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman dan Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan.
3. Paduka Besar bersama Raja di Muda Lembaga Terachi akan pergi mempersilakan Dato' Klana Putra dan Dato' Bandar bersama juak dan hulubalang mereka. Rombongan ini akan berjalan ke Seri Menanti dan bermalam di Terachi. Paduka Besar akan meneruskan perjalanannya ke Seri Menanti untuk memberi khabar kepada Dato' Muar tentang kesampaian Dato' Klana. Pada keesokan harinya, Raja di Muda akan mengiringi Dato' Klana Putra berjalan ke Seri Menanti.
4. Dato' Muar dan Dato' Jempol akan menyuruh Lela Raja Jempol menyatakan khabar kepada Lang Putih (Pegawai di Jempol) untuk mempersilakan Dato' Mendika Menteri. Dato' Mendika Menteri diiringi oleh Lang Putih dan Lembaga Jelebu berjalan ke Seri Menanti dan akan bermalam di Kampung Bukit berhampiran dengan Batu Kikir. Perjalanan akan diteruskan pada keesokan harinya.
5. Dato' Maharaja dan Andika (Pegawai di Cheriau) pula mempersilakan Dato' Johan Pahlawan, Dato' Johan akan bermalam di Cheriau manakala Dato' Seri Maharaja akan terus ke Seri Menanti menyatakan kepada Dato' Muar tentang kesampaian Dato' Johan.
6. Dato' Senara Muda dan Paduka Seri Maharaja akan ke Rembau untuk memberitahu pegawai di Rembau, Sinda Maharaja untuk menjemput Dato' Sedia Raja untuk tujuan di atas. Dato' Sedia Raja akan bermalam di Gunung Pasir.
7. Orang Kaya Bongsu Luak Muar akan menanti di istana.
8. Apabila keempat-empat Undang ini telah sampai ke Seri Menanti mereka akan ditempatkan di:

Dato' Klana	-	Kampung Selemak
Dato' Mendika	-	Kampung Buyau
Dato' Johan	-	Kampung Bukit
Dato' Sedia Raja	-	Kampung Bukit Tempurung

9. Setelah mereka ditempatkan di telapak yang ditentukan di atas, kepala Lembaga Muar Dato' Baginda Maharaja akan pergi mengadap keempat-empat Undang menyebabkan hasrat dan tujuan serta untuk mendapat kata sepakat Undang Yang Empat untuk menentukan hari pekerjaan tabal akan dilaksanakan.

BIBLIOGRAFI

1. Ahmad Kamar., 'Malaysian and Indonesian Leadership in Politics.'
Art Printing Work., Kuala Lumpur., 1984
2. Buyung Adil Hj., 'Sejarah Negeri Sembilan.' Dewan Bahasa dan Pustaka., Kuala Lumpur., 1981.
3. Halim Nasir., 'Sejarah Perak: Siri Pantas.' Dewan Bahasa dan Pustaka., Kuala Lumpur., 1982.
4. Joginder Singh Jessy., 'Malaysian History for Secondary Schools.' Longmans., Kuala Lumpur., 1972.
5. _____., 'Kerajaan Negeri Sembilan.' 1960.

Sumber Lisan:

1. Dato' Gempa Mahadi bin Hj. Arshad,
Kg. Batang Pilah Senaling.
2. Dato' Jebalang Kidam bin Kari,
Kampung Perigi Jernih, Senaling.
3. Dato' Senara Hj. Harun bin Jadid,
Kampung Peraku Seberang, Senaling.